

# Mun Yee-Dhabitah raih gangsa

BERITA HARIAN 12/4/2018 P. 96

**Gold Coast:** Gandingan Leong Mun Yee-Nur Dhabitah Sabri meraih pingat pertama mereka di Sukan Komanwel dalam acara 3m papan anjal seirama wanita di Pusat Akuatik Optus, pagi semalam.

Mun Yee dan Dhabitah terciri 61.40 mata di belakang pemenang pingat emas ketika terjunan kelima mereka sedikit terganggu sekali gus meraih gangsa dengan

catatan keseluruhan, 264.90 mata.

Mereka merekodkan 46.80, 48.00, 69.30 dan 58.50 pada empat terjunan awal.

## Pendorong

Pemenang emas dari Australia, Esther Qin-Georgia Sheehan merekodkan catatan keseluruhan 284.10 mata manakala Alicia Blagg-Katherine Torrance (England), di tangga kedua

dengan 276.90 mata.

“Kami hanya digandingkan bersama hanya beberapa bulan lalu dan Sukan Komanwel ini adalah kejohanan ketiga kami bersama selepas bulan lalu di Siri Dunia di Beijing dan Fuji.

“Jadi, tempat ketiga ini adalah satu pendorong yang bagus,” kata Mun Yee.

“Secara jujurnya, saya sangat gembira, saya tidak melakukan

dengan baik dalam latihan berbanding Dhabitah, tetapi hari ini saya okey,”

Mun Yee, 34, berkata: “Cuaca agak berangin ketika pertandingan dan sebab itulah ramai gandingan melakukan kesilapan.”

Sementara itu, Dhabitah tidak mampu mengawal emosinya ketika majlis penyerahan pingat namun tampak tenang ketika ditemubual media.